



Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Gohtong Jaya, Pahang: Langkah Proaktif Memperkasa Keselamatan Awam

Kuala Lumpur, 7 November 2025 – Majlis bersejarah telah diadakan hari ini bagi merasmikan permulaan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Gohtong Jaya, Pahang. Projek ini merupakan hasil kolaborasi strategik antara sektor awam dan swasta, bertujuan memperkukuh tahap keselamatan komuniti setempat. Genting Malaysia Berhad berasa syukur dan bangga kerana menjadi peneraju dalam menjayakan projek hibrid pertama seumpamanya dengan sokongan dan kerjasama penuh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Majlis menandatangani perjanjian tersebut telah disempurnakan oleh wakil pihak kerajaan YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman Bin Taib selaku Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain, Ketua Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), serta wakil pihak swasta Ybrs. Encik Lee Thiam Kit, Timbalan Presiden Genting Malaysia Berhad.

Projek pembangunan balai bomba dan kuarters Gohtong Jaya ini merupakan hasil inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Genting Bersama Malaysia yang secara proaktif menyokong usaha kerajaan dalam menyediakan kemudahan keselamatan awam bagi menyokong rentak pembangunan yang semakin rancak di kawasan Gohtong Jaya. Balai bomba dan kuarters yang baharu ini akan dilengkapi dengan fasiliti moden termasuk bangunan operasi dan ruang latihan bagi memastikan pasukan bomba dan penyelamat sentiasa berada dalam tahap kesiapsiagaan yang tinggi bagi menghadapi sebarang bentuk kecemasan.

Balai bomba yang bakal didirikan di atas tapak seluas 0.8 hekta ini juga akan dilengkapi dengan 40 unit kuarters kediaman untuk kakitangan, sebuah dewan serbaguna, serta ruang ibadah bagi memenuhi keperluan komuniti setempat. Pembinaan balai yang serba lengkap tersebut dapat memberi manfaat kepada lebih 20 juta penduduk dan pelancong yang berkunjung ke kawasan Genting Highlands setiap tahun, sekaligus memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap keselamatan dan pengurusan risiko di kawasan tersebut.

Pembinaan balai bomba dan kuarters Gohtong Jaya ini merupakan kesinambungan daripada Majlis Pecah Tanah yang telah disempurnakan pada 3 Oktober 2024 oleh YB Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Tan Sri Dato' Lim Kok Thay, Timbalan Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Genting Malaysia Berhad. Kos projek ini dianggarkan sekitar RM68.3 juta dengan peruntukan sebanyak RM39 juta disediakan oleh pihak kerajaan manakala selebihnya akan dibiayai oleh Genting Malaysia Berhad melalui inisiatif CSR Genting Bersama Malaysia.

"Kerjasama ini mencerminkan komitmen Genting Malaysia Berhad untuk menyumbang secara aktif kepada keselamatan dan kesejahteraan komuniti setempat. Kami percaya bahawa pelaburan dalam infrastruktur seperti Balai Bomba Gohtong Jaya bukan sahaja melindungi nyawa dan harta benda, malah

memperkuh keyakinan masyarakat terhadap masa depan yang lebih selamat dan sejahtera," ujar Ybrs. Encik Lee Thiam Kit, Timbalan Presiden Genting Malaysia Berhad.

Projek ini bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan tindak balas kecemasan, malah mencerminkan komitmen Genting Malaysia Berhad dalam menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan mampan kawasan pelancongan utama negara.

Pemeteraian perjanjian ini mencerminkan kerjasama erat antara kerajaan dan sektor swasta dalam memperkuh keselamatan awam, seiring dengan aspirasi Malaysia Madani yang menyeimbangkan pembangunan dan kebajikan rakyat. Genting Malaysia Berhad bukan sahaja menyumbang kepada pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Gohtong Jaya, malah turut memperkuh komitmennya terhadap agenda Madani melalui pelbagai inisiatif sosial.

Antara program yang dilaksanakan termasuk Sekolah Angkat Madani bagi menyokong pendidikan luar bandar, Sejahtera Madani yang menumpukan kepada kesejahteraan komuniti melalui bantuan kesihatan dan kebajikan, serta penglibatan aktif dalam Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) Madani yang memperkuh semangat patriotisme dan perpaduan nasional. Usaha berterusan ini mencerminkan kesungguhan Genting Malaysia Berhad dalam menyokong pembangunan inklusif dan nilai-nilai murni yang digariskan oleh kerajaan.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms Michelle Wong

Head
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Nur Fatin Shazreen Ismail

Executive
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9411
Email: fatin.shazreen@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.